Jika usaha Malaysia lahirkan Undang2 Dadah Serantau berhasil...

Asean akan jadi 'neraka' pengedar dadah

DATUK MOHAMAD ZAHIR ISMAIL

KUALA LUMPUR, Ahad — Satu langkah untuk menyeragamkan undang-undang mengenai dadah bagi negara-negara anggota Asean akan diutarakan oleh Malaysia di perhimpunan agung Pertubuhan Antara Parlimen Asean (AIPO) selama lima hari di Manila, mulai Selasa ini.

Dengan undang-undang yang ada, mungkin yang paling ketat di dunia, Malaysia akan berusaha menjadikan Asean 'neraka' bagi pengedar dadah.

Speaker Dewan Rakyat, Datuk Mohamad Zahir bin Ismail dalam wawancaranya dengan *Bernama* di sini, hari ini berkata, Asean mestilah mengambil satu pendirian tegas mengenai isu dadah, terutamanya kerana kedudukannya yang begitu hampir dengan 'Segitiga Emas' (kawasan dadah).

Beliau menyatakan, Malaysia berhasrat hendak menyeragamkan undang-undang itu ketika berucap kepada para anggota Parlimen Indonesia dalam bulan Februari di Jakarta. Menurutnya, perlu diwujudkan satu hukuman yang setara ke atas mereka yang menyalah-gunakan dadah.

Katanya, syor Malaysia itu telah disediakan oleh Jawatankuasa Kecil AIPO mengenai Hal-Ehwal Sosio-Ekonomi yang antara ketetapan-ketetapannya menggesa diwujudkan satu undang-undang Asean mengenai narkotik, kegiatan dan pemulihan penagih.

Jawatankuasa itu juga mengusul supaya dikenakan hukuman yang lebih berat — seperti dirampas harta mereka — ke atas mereka yang terbabit dalam kegiatan dadah.

Jawatankuasa itu juga menggesa diadakan satu rancangan latihan dan kemudahan bersama bagi memulihkan penagih dadah dengan bantuan agensi-agensi antarabangsa.

Jawatankuasa itu juga menggesa diwujudkan sebuah pejabat narkotik dan melantik para pegawai narkotik untuk mengawal dadah-dadah berbahaya.

Datuk Mohamad Zahir, yang akan menamatkan tempoh perkhidmatannya sebagai Presiden AIPO, berkata, semua ketetapan itu akan dibentangkan di sidang pleno perhimpunan agung itu.

Datuk Mohamad Zahir, yang akan mengetuai serombongan 11 orang pegawai berkata, undang-undang mengenai dadah Malaysia yang ada sekarang akan diedarkan kepada anggota-anggota Parlimen Asean untuk dijadikan perbandingan.

Minggu lalu, Parlimen Malaysia meluluskan Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 1983, yang antara lain memperuntukkan hanya satu hukuman, iaitu mati, bagi mereka yang mengedar dadah. — Bernama.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia